Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!



# TABONG KITA-$10,693

Berita Harian, 3 March 1963, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL3201

Previous Article | Next Article | Previous Page | Next Page

Scroll to Top

## TABONG KITA—$10,693

### Lahirkan-lah rasa chinta kpd tahah ayer melalui DERMA PERWIRA

### Anggota2 sharikat kerjasama Kampong Ramal Dalam paling awal menyampaikan sumbangan mereka

### STRAITS TIMES DERMA $10,000

KUALA LUMPUR, Sabtu

DERMA PERWIRA KEBANGSAAN yang di-lancharkan oleh akhbar2 penerbitan

**Information**



Newspaper:
Berita Harian

Date:
3 March 1963

Reel Number:
NL3201

Share

**Table of Contents**

< Previous Page 1 Next >

Nama Akhbar
BERITA MINGGU NO. 138. AHAD, 3 MABCH, 19(3.-7 SHAWAL. 1352. 15SEN. KDN 375 .1 I A IMM

BAGINDA SULTAN PERAK DAN SELANGOR JUGA BERI SUMBANGAN
BAGINDA SULTAN PERAK DAN SELANGOR JUGA BERI SUMBANGAN KUALA LUMPUR, Sabtu Seri

TABONG KITA-$10,693
TABONG KITA-$10,693 Lahirkan-lah rasa chinta kpd iahah ayer meialui DERMA DVDUm» A JrCillWIlA

View Full Table of Contents

Straits Times bersama2 semua akhbar2 di-Malaya dan Singapura telah mendapat dorongan yang pesat hari ini manakala Sharikat Akhbar Straits Times (M) Berhad memberikan sumbangan $10,000.

Jumlah sumbangan yang di-terima hari ini oleh akhbar2 Straits Times Berita Harian dan Malaya meningkat angka $10,693,00.

Orang yang paling awal sekali menderma kapada Tabong kita ia-lah satu rombongan dari ahli2 sharikat kerjasama kampong Sungai Ramal Dalam, Kajang.

## Datang sendiri

Rombongan itu yang di-ketuai oleh Dato Dagang Othman bin Yamin, Ketua Kampong Sungai Ramal Dalam, telah datang sendiri ka-pejabat Berita Harian, untok menyampaikan derma $100 kapada Tabong Derma Perwira kita.

Dato Dagang Othman memberitahu Berita Minggu hari ini:

"Derma ini kami pungut daripada ahli2 sharikat kerjasama di-kampong kami untok menyahut seruan Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman.

"Tanah ayer kita sekarang dalam anchaman dari pehak2 yang tidak menginginì terbentok-nya Malaysia."

Dato Dagang Othman berkata derma itu di-kumpulkan sa-chara kilat sa-telah tersiar berita bahawa pengarang2 dan penerbit2 akhbar negeri ini telah memutuskan untok melancharkan Derma Perwira itu.

Beliau menegaskan:

"Pendudok2 kampong kami terdiri dari orang2 yang berasal daripada Indonesia.

"Tetapi kami tetap berdiri di-belakang Tengku Abdul Rahman untok mempertahankan tanah ayer kami walau pun ketitisan darah yang akhir".

Dato Dagang Othman berjanji akan berusaha mendapatkan lagi derma daripada orang ramai untok Tabong Derma Perwira.

Sementara itu senarai penoh penderma2 yang di-terima hingga pukol 12.00 tengah hari semalam oleh Pejabat Berita Harian dan penerbitan2 Straits Times yang lain ia-lah sa-bagai berikut:

Ahli2 sharikat kerjasama Kampong Sungai Ramal Dalam, Kajang $100; Tuan Dhian Singh, ahli Suroharijaya Perkhidmatan Umum Selangor, $10; Dato L. C. Hoffman, $500; Tuan Choo Kay Fatt, Petaling Jaya $3.00; Tuan Dara Singh, Seremban $50; Tuan C. Thomas Mathews, Rumah Sakit Kapar, Kampar $30.

Derma2 yang telah di-kumpulkan oleh seluroh akhbar2 hingga sekarang ia-lah $89,671.

Nanyang Siang Pau $17,000; Sin Chew Jit Pao $31,000; China Press $7,300; Harian Kin Kwok $7,100; Tamil Nesan $4,000; Utusan Melayu $27,000; dan

Malayan Times $8,871.

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29